

aab

M'SIA MINAT TEMBUSI PASARAN AMERIKA UTARA MELALUI MEXICO  
Mahathir - Pasaran  
Daripada Syed Jamil Jaafar

ALTAMIRA (Mexico), 21 Sept (Bernama) -- Malaysia sedang meninjau kemungkinan melibatkan diri dalam pelaburan tiga pihak di Mexico untuk menembusi pasaran Amerika Utara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pada hari Jumaat bahawa apa yang beliau fikirkan ialah pembuatan sesetengah barangan yang menggunakan bahan mentah dari Malaysia dilakukan secara usahasama dengan pengusaha Mexico dengan penggunaan teknologi negara ketiga.

+Sebagai contoh, di Malaysia kami mempunyai banyak pelabur dari Jepun yang mengeluarkan barangan dengan menggunakan bahan mentah kita,+ katanya.

+Mungkin kita boleh membantu mereka yang datang ke Malaysia juga untuk ke Mexico,+ katanya pada persidangan akhbar di sini pada hari keempat lawatan rasmi enam harinya ke Mexico.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir melawat industri petro-kimia Altamira dan terminal pelabuhan kontena. -- Lagi

♥21/09/16-56MST

CNS7127

R GB 21-09 00158 B.4394

aab

Mahathir - Pasaran 2 Altamira (Mexico)

Beliau tiba di sini dari Monterrey, bandaraya ketiga terbesar di Mexico, pada sebelah pagi selepas bermalam di sana.

Ketika menjawab soalan mengenai Kawasan Dagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang dicadangkan terdiri daripada Mexico, Amerika Syarikat dan Kanada sebagai pasaran bebas tarif, Datuk Seri Dr Mahathir berkata peraturan pelaburan tiga pihak itu mungkin menjadi salah satu cara bagi Malaysia untuk mendapatkan pasaran yang luas itu.

Beliau juga bercakap mengenai kemungkinan Malaysia secara sendiri mengadakan pelaburan di Mexico.

Ini meliputi bidang yang Malaysia mempunyai kepakaran seperti getah, kelapa sawit dan industri oleo-kimia.

+Sebagai contoh, kita boleh memproses kelapa sawit untuk dijadikan barangan makanan, minyak masak, sabun dan bahan pencuci secara usahasama dengan pengusaha Mexico untuk dieksport ke Amerika Utara,+ katanya.

+Sudah tentu dengan penubuhan NAFTA (menjelang 1993), syarat-syarat tertentu seperti kandungan tempatan perlu dipatuhi. Kami terpaksa mengkajinya,+ katanya. -- Lagi

♥21/09/17-19MST

CNS7128

U GB 21-03 00112 8.4395

aab

Mahathir - Pasaran 3 Altamira (Mexico)

Katanya, penubuhan Nafta mungkin mendatangkan kesan kepada pelaburan asing ke Malaysia memandangkan para pelabur akan ke Mexico.

+Bagaimanapun, kita sendiri mungkin menjadi pelabur di Mexico,+ katanya.

Beliau menambah kata bahawa Malaysia bagaimanapun tidak akan melibatkan diri dalam pelaburnn luar negeri secara besar-besaran.

Buat masa ini, Malaysia hanya mempunyai sedikit pelaburan di luar negeri seperti China.

Katanya, Malaysia mahu meningkatkan perdagangan terus dengan Mexico.

Datuk Seri Dr mahathir juga berkata bahawa beliau dapati bahawa sesetengah barangan Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat dieksport semula ke Mexico dengan harga yang lebih tinggi. -- Lagi

♥21/09/17 00MST

CNS7130

U GB 21-09 00129 BA396

aab

Mahathir - Pasaran 4 Altamira (Mexico)

. +Kami mahu hubungan dengan pelabuhan-pelabuhan seperti Altamira,+  
katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin bahawa Mexico, yang telah memulakan  
usaha-usaha pembangunan secara serius tetapi masih mengekalkan perdagangan  
bebas, akan berjaya dari segi ekonomi.

Katanya, kadar pembangunan di Mexico, yang tidak diberi harapan  
beberapa tahun lepas kerana inflasi dan hutang luarnya yang besar, kini  
semakin nyata di bawah kerajaan pimpinan President Carlos Salinas.

Sejurus selepas tiba di sini pagi ini, Datuk Seri Dr Mahathir melawat  
kilang petro-kimia terbesar Mexico, Petrocel.

Petrocel mengeluarkan bahan mentah bagi pengeluaran serat polyster dan  
antara pembeli serat itu ialah Penfibre dari Malaysia.

Petrocel juga mengimport methanol, dari Sabah Gas Industries, untuk  
pembuatan serat sintatik. -- Lagi.

♥21/09/17-24MST

CNS7131

U GB 21-09 00085 BA397

aab

Mahathir - Pasaran 5 Altamira (Akhir)

Perdana Menteri dan rombongannya termasuk Datuk Seri Datin Paduka Dr  
Siti Hasmah Ali, kemudian melawat sebuah kilang lagi, Primex, yang  
mengeluarkan PVC atau +poly-vinyl-chloride+.\*

Perdana Menteri kemuclian berlepas ke Cancun, sebuah bandar peranginan  
di semenanjung Yucatan, di bahagian Tenggara Mexico selama dua malam untuk  
meninjau pembangunan pelancongan di situ.

Beliau akan berlepas ke New York dari Cancun Isnin ini untuk menghadiri  
Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. -- Bernama.

♥21/09/17-26MST